



KERANGKA KEWANGAN PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

ZAINI UJANG

Projek Penajaan
Dana
men

8.10609595
ZAI



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Zaini Ujang (Profesor Dato' Seri Ir. Dr) adalah Naib Canselor UTM yang kelima. Beliau berasal dari Inas, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan pengarang buku, intelektual, pentadbir akademik, dan ahli profesional yang prolific. Sehingga kini menghasilkan lebih 30 buah buku, ratusan artikel untuk akhbar dan jurnal. Pada 2009, beliau dianugerahkan Hadiah Berprestij Petronas. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa kepada beberapa jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga menjadi perunding kepada beberapa syarikat dan pertubuhan profesional. Atas menghargai jasa dan sumbangannya yang begitu banyak, beliau dianugerahkan darjah dan bintang kebesaran dari DYMM Yang DiPertuan Agong dan DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Penghasilan buku ini adalah sebahagian dari usaha dan inisiatif YBhg Dato' Seri Zaini Ujang untuk menjana pendapatan universiti yang disumbangkan dalam dana Tabung Endowmen UTM. Penubuhan dana ini bertujuan untuk memperkasa kegiatan akademi berimpak tinggi menerusi penyelidikan, penerbitan, pengajaran, kegiatan mahasiswa serta memberi biasiswa kepada mahasiswa yang mencapai keputusan akademik yang cemerlang.

KERANGKA KEWANGAN PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

*WITH BEST COMPLIMENTS
FROM*

Penerbit UTM Press

Tel: +607-553 5826, +607-553 5754

Faks: +607-553 5759

Email: galeribuku@utm.my, yosman@utm.my

www.penerbit.utm.my



Senarai Karya Penulis

- Zaini Ujang. 2013. *Revitalizing the Soul of Higher Learning*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2013. *Menyubur Kembali Jiwa Akademia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2012. *New Academia* (New Year Address). Translated by Azian Abd Aziz @ Ahmad. Johor Bahru: Penerbit UTM Press. (Original Malay language text entitled *Akademia Baru*).
- Zaini Ujang. 2012. *Akademia Baru* (Vice-Chancellor Address Series). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2011. *Inspiring Creative & Innovative Minds* (New Year Address). Translated by Azlan Abdul Rahman, Masputeriah Hamzah & Zareena Omar. Johor Bahru: Penerbit UTM Press. (Original Malay language text entitled *Menjana Minda Kreatif dan Inovatif*).
- Zaini Ujang. 2011. *Menjana Minda Kreatif dan Inovatif* (Vice-Chancellor Address Series). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2011. *Embracing the Knowledge Culture: Understanding Knowledge Putting it into Practice*. (Original Malay language text entitled *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad and Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2010. *Budaya Inovasi: Prasyarat Model Baru Ekonomi*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2010. *Berpaksi Inovasi, Mengangkasa Universiti, Menjana Nilai Tinggi* (Vice-Chancellor Address Series). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Mewarisi Perjuangan, Menjayakan Transformasi, Memacu Kegemilangan* (Vice-Chancellor Address Series). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. 2nd Edition. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Universiti, Kreativiti, Inovasi*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

- Zaini Ujang. 2009. *The Elevation of Higher Learning* Translated by Siti Aliza Alias. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad and Johor Bahru: Penerbit UTM Press. (Original Malay language text entitled *Mengangkasa Pengajian Tinggi*).
- Zaini Ujang. 2009. *Memperkasakan Budaya Ilmu: Konsep dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Membrane Technology for Water and Wastewater Treatment (A Training Module)*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang and Henze, M. (Ed.). 2007. *Environmental Biotechnology: Advancement in Water and Wastewater Applications in the Tropics*. London: IWA Publishing.
- Zaini Ujang. 2007. *Pengurusan Masa: Konsep dan Penghayatan*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Zaini Ujang and Henze, M. 2006. *Wastewater Management for Developing Countries*. London: IWA Publishing.
- Zaini Ujang. 2004. *Hazardous Waste Management in Malaysia*. UNESCO, Paris (UNESCO Encyclopedia of Life Support System for Hazardous Waste Management in Developing Countries).
- Zaini Ujang. 1999. *Pencemaran Udara*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Ujang. 1997. *Pencemaran Udara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Ujang. 1996. *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Zaini Ujang. 1995. *Motivasi dan Kaedah Membaca*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zaini Ujang (Ed.). 1993. *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Zaini Ujang. 1993. *Motivasi dan Kaedah Membaca*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zaini Ujang. 1993. *Pencemaran Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zaini Ujang. 1992. *Environmentalisme dalam Tata Baru Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Normah Mulop and Zaini Ujang. 1991. *Bahan Api & Teknologi Pembakaran*. (trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



PROFESOR DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG, FASc
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

KERANGKA KEWANGAN PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

ZAINI UJANG

PUSTAKA PERDANA



1011551



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

www.penerbit.utm.my

2013



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Edisi Pertama 2013
© ZAINI UJANG 2013

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zaini Ujang, Dato', 1965-
Kerangka kewangan pengajian tinggi di Malaysia / Zaini bin Ujang.
Bibliografi: ms. 65
ISBN 978-983-52-0909-3
1. Education, Higher--Malaysia--Finance.
2. Education, Higher--Economic aspects--Malaysia. I. Judul.
378.10609595

Editor: KASSIM THUKIMAN & KHALID MAZLAN
Pereka Kulit: HAFIZAH MOHAMAD AHYAH

Diatur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UTM PRESS
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UTM PRESS
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM ahli MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM) dan anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA) dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,
Taman Industri Balakong Jaya, 43300 Balakong,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

378-10609595
ZAI



Dedikasi

YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi (2008-2013)
di atas kegigihan dan sumbangan besar beliau dalam
memartabatkan pengajian tinggi di Malaysia.



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
Bab 1 Pendahuluan	1
Bab 2 Kerangka Kewangan Pengajian Tinggi Perspektif Global	11
Bab 3 Dinamisme Kerangka Kewangan Pengajian Tinggi Malaysia	35
Bab 4 Rumusan	59
Rujukan	65



PRAKATA

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana buku ini telah berjaya disiapkan dalam waktu yang singkat. Selawat dan salam untuk Rasulullah s.a.w.

Sejak ke belakangan ini, banyak pihak membincangkan pelbagai isu dan perkara berkaitan pengajian tinggi. Antaranya berkaitan dengan isu kualiti mahasiswa tempatan, mahasiswa dan perjuangan, kualiti pengajian tinggi, budaya ilmu, biasiswa pengajian atau pinjaman, penarafan universiti tempatan, universiti sebagai kilang ijazah, ketrampilan mahasiswa, hubungan universiti-industri, dan peranan universiti dalam pembangunan negara.

Dalam kebanyakan perkara, tidak banyak penulis yang menggarap dan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan kerangka pembiayaan kewangan di peringkat pengajian tinggi. Dalam konteks Malaysia, kepimpinan negara telah menjalankan transformasi berkaitan dengan pengajian tinggi. Mulai tahun 2004, pihak kerajaan menjalankan transformasi pengajian tinggi menerusi penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah digubal untuk mengangkat status dan martabat universiti tempatan ke peringkat antarabangsa.

Buku ini ditulis dengan hasrat untuk menyediakan bahan dan arah tuju sebagai asas perbincangan membangunkan kerangka kewangan pengajian tinggi

yang lebih mapan dan mantap. Bagi tujuan tersebut, maka beberapa perspektif utama telah dikemukakan tentang konsep dan model pembiayaan pengajian tinggi. Ini turut melibatkan tinjauan tentang kepelbagaian kerangka kewangan di pelbagai negara terutamanya di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia, menjelaskan kerangka semasa di Malaysia, dan mencadangkan kerangka baharu bagi memungkinkan IPT awam dan swasta lebih berdaya maju serta mampu menjadi peneraju pengajian tinggi di peringkat serantau, malah berimpak global.

Tujuan utama kerangka kewangan pengajian tinggi adalah untuk meletakkan Malaysia dalam keadaan yang lebih kondusif dari segi perkembangan pengajian tinggi, bukan sahaja untuk keperluan mahasiswa warga tempatan, malah menampung permintaan warga asing. Penulis juga mempunyai hasrat untuk memberi kefahaman dan penjelasan tentang realiti yang sedang berlaku di IPT awam dan dibandingkan dengan kerangka model kewangan universiti di peringkat antarabangsa. Untuk melonjakkan status universiti tempatan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk membiayai kos pengajian tinggi; pembiayaan fizikal, pengurusan sumber, program akademik, dan kebajikan mahasiswa. Secara relatif, kos pengajian dalam bidang sains, teknologi dan perubatan jauh lebih mahal berbanding dengan kursus dalam bidang sains sosial. Selain daripada yuran pengajian, KPT dan pelbagai agensi turut membantu mahasiswa dalam bentuk biasiswa, dermasiswa, pinjaman. Justeru itulah, buku ini cuba membincangkan tentang kemantapan kewangan dalam pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, penulis juga telah membuat analisis perbandingan antara model kewangan pengajian tinggi sama ada di dalam dan luar negeri.

Penulis berharap agar seluruh warga universiti — staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa — dapat membaca dan menghayati buku ini. Dengan itu, mereka diharapkan dapat menumpukan seluruh tenaga

dan pemikiran untuk memartabatkan universiti sebagai sebuah gedung ilmu yang menghasilkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan akhirnya menyumbang kepada pembinaan peradaban bangsa dan negara.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang banyak memberi idea untuk menghasilkan penulisan buku ini, terutamanya YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Ucapan yang sama ditujukan kepada Profesor Datin Dr. Siti Hamisah Mohd. Tapsir, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Rose Alinda Alias, Profesor Dr. Ir. Mohd. Azraai Kassim, Profesor Dr. Ir. Wahid Omar, Profesor Dr. Ismail Abd. Aziz dan Tuan Haji Wan Zawawi Wan Abd. Rahman. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga, isteri dan anak-anak — Dr. Zainah Moktar, Siti Fatimah, Aishah, Muhammad Arif dan Maryam — yang memberi sokongan moral bagi menyempurnakan penulisan buku ini. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada warga Penerbit UTM *Press* khususnya Dr. Hj. Kassim Thukiman, En. Khalid Mazlan, Cik Ungku Haliza Ungku Zahar dan Pn. Hafizah Mohamad Ahyah kerana membantu menayakan penerbitan buku ini.

Akhir kata, saya berdoa agar buku ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga pengajian tinggi di seluruh negara. *Amin.*

Zaini Ujang
UTM, Johor Bahru
26 April 2013



1

PENDAHULUAN

Selain faktor komitmen dari segi dasar dan ekosistem ilmiah, sesebuah negara memerlukan kerangka kewangan yang mapan (*financial sustainability*) untuk memastikan institusi dan ekosistem pengajian tinggi berkembang pesat. Kerangka kewangan dalam konteks pengajian tinggi bukan sahaja melibatkan biaya awam dan dana swasta dari segi pelaburan awal (*capital expenditure*), khususnya pelaburan untuk penyediaan infrastruktur dan modal insan, malah turut melibatkan kelangsungan pembiayaan program pengembangan, peningkatan tahap kelayakan serta kepakaran pensyarah, penerusan serta peneguhan reputasi dan penjenamaan, pemacuan penyelidikan dan pemantapan iklim kesarjanaan. Bagi memastikan kualiti dan pengiktirafan global terus meningkat, maka hal-hal lain yang berkaitan juga perlu diberi penumpuan daripada segi kemapanan kerangka kewangan. Kerangka kewangan tersebut melibatkan pembiayaan yuran pengajian untuk mahasiswa pelbagai mode serta peringkat pengajian, pelaburan institusi, penjanaaan sumber dari pelbagai sumber dan tabung endowmen.¹

Tujuan utama penulisan buku ini adalah untuk menyediakan bahan dan sedikit sebanyak memberi arah tuju sebagai asas perbincangan tentang keperluan

¹ Penjelasan tentang cabaran dan kaedah pembiayaan pengajian tinggi, lihat misalnya Zaini Ujang, 2013. *Menyubur Kembali Jiwa Akademia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press dan Jamil Salim. 2007. *The Challenge of Establishing World-Class Universities*. Washington DC: The World Bank.

untuk menyediakan kerangka kewangan yang mantap dan mapan. Bagi tujuan tersebut, maka beberapa perspektif utama akan dikemukakan tentang konsep dan model pembiayaan pengajian tinggi. Ini turut melibatkan tinjauan tentang kepelbagaian kerangka kewangan di pelbagai negara, menjelaskan kerangka semasa di Malaysia dalam sektor awam dan swasta, dan mencadangkan kerangka baharu untuk Malaysia bagi memungkinkan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta lebih berdaya maju serta mampu menjadi peneraju peringkat serantau, malah berimpak global.

Penulisan buku ini penting kerana terdapat banyak kekeliruan timbul tentang keperluan dan tanggungjawab membiayai pengajian tinggi. Perlu juga dimaklumkan bahawa tabii IPT jauh lebih rencam berbanding institusi pengajian peringkat rendah, menengah atau prauniversiti. Ada IPT yang ditubuhkan untuk tujuan pendidikan untuk semua, ada yang khas untuk pengajian sepanjang hayat, ada pula khas untuk sesuatu disiplin ilmu sahaja, malah ada juga yang ditubuhkan untuk menjadi mercu tanda (*flagship*) kecemerlangan ilmu dan petunjuk tentang tahap daya saing bagi sesebuah negara. Biayanya juga jauh lebih tinggi, sentiasa meningkat dan beragam. Justeru, kerangka kewangan IPT juga perlu difahami dalam konteks sedemikian.

Disebabkan terdapat perspektif dan pemahaman yang pelbagai, maka ada pihak beranggapan bahawa pengajian tinggi sama daripada segi kepentingan dan peranan kepada semua negara, sebagaimana pengajian rendah dan menengah, maka kerajaan perlu menanggung seluruh beban pembiayaan pengajian tinggi. Hal ini dianggap rasional kerana warga dalam kalangan pembayar cukai khususnya wajar menerima kemudahan yang sama dalam seluruh sistem pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berdaya saing bagi negara berkenaan. Selain daripada itu, ada juga yang mengambil pendekatan pasaran bebas, iaitu terpulanglah kepada kehendak sesebuah masyarakat sama

ada berhasrat untuk mendapat perkhidmatan pengajian tinggi yang disediakan oleh kerajaan—walau apapun bentuk dan skim pembiayaannya—dan membenarkan pihak lain termasuk swasta atau badan amanah (*trustee*) untuk turut menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi. Pembiayaan untuk menyediakan IPT dan kos pengajian tertakluk kepada keperluan dan kemampuan masing-masing.

Pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab yang terbesar bukan sahaja menyediakan kerangka dan dasar pengajian tinggi, malah turut membiayai penubuhan dan operasi pengajian tinggi, termasuklah institusi pengajian, institusi penguatkuasa, jaminan kualiti, dana pengajian dan sistem sokongan lain. Pihak swasta juga semakin berperanan dengan berpartisipasi menyediakan IPT swasta yang memenuhi segala syarat daripada segi pembiayaan penubuhan serta operasi, jaminan kualiti dan kepakaran akademik yang diperlukan dengan kos pengajian sewajarnya. Begitu juga peranan dengan kelompok ketiga, iaitu lembaga pemegang amanah yang mempunyai peranan tersendiri sehingga mewujudkan universiti ternama di Amerika Syarikat seperti Harvard, MIT, Stanford dan Yale.

Keprihatinan

Persoalan yang sering difikirkan oleh pembuat dasar serta pelaksana dasar negara, dan pemimpin sesebuah IPT adalah seperti berikut:

- (1) Apakah bentuk dan kualiti pengajian tinggi yang diperlukan dalam pembangunan sesebuah negara?
- (2) Apakah makna “kelas dunia” dalam konteks kualiti pengajian tinggi yang dijadikan sasaran dan landasan strategi, dasar serta pelan pelaksanaan?
- (3) Apakah perlu untuk mencapai tahap “ternama kelas dunia” (*world-class flagship*)? Kalau perlu apakah

rasionalnya? Apakah strategi ke arah tersebut; sama ada membangunkan universiti baharu, melaksanakan transformasi dalam kalangan IPT terpilih sedia ada, gabungan beberapa fakulti dari beberapa buah universiti, bekerjasama dengan universiti ternama atau sebagainya?

- (4) Apakah kaedah untuk menentukan kualiti pengajian tinggi terjamin dengan kepelbagaian bentuk IPT dan keragaman mahasiswa, sekali gus dapat memenuhi keperluan melahirkan insan cemerlang (*insan-ul-kamil*) dan pekerja yang berdaya saing?
- (5) Berapakah pelaburan asas yang diperlukan untuk menyediakan akses perkhidmatan pengajian tinggi kepada seluruh lapisan yang disasarkan? Berapakah sasaran pelajar dari segi peratus lepasan sekolah yang dirangka untuk mengikuti pengajian tinggi?
- (6) Apakah bentuk tadbir urus yang diperlukan untuk membolehkan kepelbagaian IPT dapat digerakkan melaksanakan agenda yang ditetapkan?
- (7) Bagaimana kaedah untuk mengukur “kejayaan” dan “petunjuk utama” bagi kepelbagaian IPT?

Sementara itu, golongan ibu bapa dan calon mahasiswa dari pelbagai peringkat umur serta pengajian perlu berhadapan dengan persoalan-persoalan berikut:

- (1) Apakah bidang pengajian yang ingin diikuti selepas menamatkan pengajian di sekolah menengah sesuai dengan minat dan pasaran kerja?
- (2) Apakah reputasi dan *ranking* sesebuah IPT yang ingin disertai?
- (3) Berapa kos pengajian, termasuk yuran pengajian dan sara hidup yang diperlukan?
- (4) Apakah kaedah pembiayaan untuk menampung kos pengajian mahasiswa peringkat diploma, sarjana muda, sarjana atau PhD?

- (5) Jika kaedah pembiayaan tersebut berbentuk biasiswa, apakah terma yang dikenakan, misalnya dari segi ikatan kontrak perkhidmatan selepas menamatkan pengajian?
- (6) Jika kaedah pembiayaan tersebut berbentuk pinjaman, apakah kaedah, berapakah kadar, dan tempoh pembayaran balik yang dikenakan? Bolehkan pinjaman tersebut ditukar kepada biasiswa atau dikurangkan jumlahnya jika seseorang mahasiswa mendapat keputusan cemerlang dalam pengajian?
- (7) Apakah tanggungjawab ibu bapa dalam konteks pembiayaan kos pengajian? Jika biasiswa dan pinjaman memerlukan penjamin, maka apakah terma yang diperlukan?
- (8) Jika mahasiswa mengikuti pengajian peringkat lanjutan (Sarjana dan PhD), apakah pakej dan mekanisme pembiayaan pengajian yang disediakan? Apakah sebagai tutor, pegawai penyelidik atau felo akademik?

Melihat kedua-dua kelompok, iaitu penyedia perkhidmatan pengajian tinggi dan mahasiswa, dapat kita rumuskan bahawa soal pembiayaan pengajian tinggi bukan merupakan satu-satunya keprihatinan utama. Soal disiplin ilmu dan jaminan kualiti lebih diutamakan. Ini bukan sahaja dalam konteks *utilitarian* (melihat sesuatu dengan penekanan kepada kegunaannya), malah dalam konteks holistik secara lebih menyeluruh meliputi pembangunan intelektual, sahsiah, profesionalisme dan rohaniah. Memang soal pembiayaan penting tetapi kerangka kewangan sedia ada—bukan sahaja di Malaysia malah di serata dunia—boleh digunapakai, atau diperbaiki bagi menyediakan pengajian tinggi dalam pelbagai bidang dengan pelbagai kualiti kepada pelbagai kalangan mahasiswa.

Pengajian Tinggi di Malaysia

Hakikat bahawa negara Malaysia semakin berkembang maju dari segi pengajian tinggi. Fenomena ini memang dijangkakan berhasil menerusi pelbagai inisiatif dan dasar kerajaan yang prihatin terhadap pembangunan modal insan. Hakikat bahawa Malaysia semakin berdaya saing sebagai hab pengajian tinggi di peringkat global juga semakin dirasakan impaknya. Hal ini berlaku hasil daripada penggubalan dan pelaksanaan secara menyeluruh sekurang-kurangnya menerusi empat inisiatif utama dalam tempoh dua dekad lalu, iaitu Akta Institusi Pengajian Swasta (1996), penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi (2004), penggubalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007) dan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (2010).

Menerusi keempat-empat inisiatif ini, maka matlamat, sasaran, strategi, pelan tindakan, kerangka kewangan dan sistem tadbir urus institusi pengajian tinggi tempatan dirangka sedemikian rupa yang membolehkan hampir semua komponen digembleng bagi menyediakan ekosistem pengajian tinggi yang mantap dan menuju sasaran kelas dunia. Dari sebuah negara yang menghantar puluhan ribu mahasiswa setiap tahun ke luar negara pada tahun 1980-an, kini Malaysia menerima puluhan ribu mahasiswa mengikuti pengajian tinggi di IPT tempatan. Sekadar contoh, tiga petunjuk utama boleh dijadikan kayu pengukur tentang pencapaian pengajian tinggi negara seperti berikut:

- (1) Peningkatan kuantiti dan kualiti pengajian ijazah lanjutan khususnya program PhD sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.
- (2) Peningkatan dari segi kualiti hasil penyelidikan bukan sahaja dari segi jumlah, malah kualiti sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2. Sementara itu, Jadual 1.3 menunjukkan trend penerbitan di Malaysia berbanding beberapa buah negara Asia dari segi *citation* penulisan saintifik 2006-2010.

Jadual 1.1 Bilangan mahasiswa ijazah PhD di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia



Tahun	IPTS	IPTA	Jumlah
2002	197	3,882	4,079
2003	86	5,068	5,154
2004	108	6,222	6,330
2005	598	7,639	8,237
2006	860	8,752	9,612
2007	1,331	10,167	11,498
2008	1,331	12,243	13,574
2009	2,278	14,669	16,947
2010	3,804	17,718	21,522
2011	5,959	25,594	31,553

Jadual 1.2 Pertambahan bilangan artikel jurnal 2007-2012 (6 tahun) untuk beberapa negara ASEAN dan peratusan bilangan penerbitan bagi tahun 2007 dan 2012 bagi negara-negara tertentu



Sumber: Micheal Khor, 2013.

Jadual 1.3 Kedudukan teratas negara Asia dari segi *citation* penulisan saintifik 2006–2010



Sumber: http://www.editorupdate.elsevier.com//wp-content/uploads/2011/09/Stats_Prolific-Countries21.jpg
<http://www.editorupdate.elsevier.com/2011/09/the-rise-of-asia-a-research-profile/>

- (3) Peningkatan dari segi mahasiswa negara asing yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4 Bilangan peningkatan mahasiswa negara asing di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

Tahun	Jumlah mahasiswa antarabangsa (orang)
2000	26,569
2005	55,469
2007	47,928
2008	69,174
2009	80,750
2010	86,923
2011	91,670

Sumber: <http://www.mohe.gov.my>



Ketiga-tiga petunjuk tersebut sangat penting untuk difahami betapa kualiti pengajian tinggi di Malaysia telah sampai ke satu tahap yang berdaya saing dan bersifat global. Ini menunjukkan bahawa Malaysia berada pada landasan yang tepat dari segi dasar, strategi dan pelaksanaan sektor pengajian tinggi. Ini melibatkan juga persoalan pembiayaan dan kerangka pengajian tinggi.

KERANGKA KEWANGAN PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Dalam kebanyakan perkara, tidak banyak penulis yang menggarap dan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan kerangka pembiayaan kewangan di peringkat pengajian tinggi. Dalam konteks Malaysia, kepimpinan negara telah menjalankan tranformasi berkaitan dengan pengajian tinggi. Mulai tahun 2003, pihak kerajaan menjalankan tranformasi pengajian tinggi menerusi penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional telah digubal untuk mengangkat status dan martabat universiti tempatan ke peringkat antarabangsa.

Untuk melonjakkan status universiti tempatan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk membiayai kos pengajian tinggi; pembiayaan fizikal, pengurusan sumber, perjalanan akademik, dan kebajikan mahasiswa. Secara relatif, kos pengajian dalam bidang sains, teknologi dan perubatan jauh lebih mahal berbanding dengan kursus dalam bidang sosial. Selain daripada yuran pengajian, KPT dan pelbagai agensi turut membantu mahasiswa dalam bentuk biasiswa, dermasiswa, pinjaman. Justeru itulah, buku ini cuba membincangkan tentang kemantapan kewangan dalam pengajian tinggi di Malaysia. Selain daripada itu, penulis juga telah membuat analisis perbandingan antara model kewangan pengajian tinggi sama ada di dalam dan luar negeri.

Karya-karya Penulis



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

ISBN 978-983-52-0909-3



9 789835 209093



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA